

ОБЩЕСТВО
НУСАНТАРА
А

PERSATUAN
NUSANTARA

125009, Москва,
ул. Моховая, 11
Тел.: (7-495) 629 43 49
Факс: (7-495) 629 41 38
E-mail:
nusantara.society@gmail.com



NUSANTARA
SOCIETY

11, Mokhovaya str.,
Moscow, 125009, Russia
Phone: (7-495) 629 43 49
Fax: (7-495) 629 41 38
E-mail:
nusantara.society@gmail.com

A Monthly seminar
of Nusantara's Malay-Indonesian Readings at Lomonosov Moscow State
University on the 15h of August, 2015

(paper)

Dr. Victor A. Pogadaev

Universiti Malaya
Jabatan Bahasa-Bahasa Asia dan Eropah
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
victor@um.edu.my

**Terjemahan Sastera Bahasa Rusia-Bahasa Melayu:
Cabar dan Cara Penyelesaian**

Abstrak

Masalah terjemahan prosa dianalisis dengan memberi contoh terjemahan novel Naratif Ogonshoto oleh Anwar Ridhwan (St.-Petersburg, 2009). Antaranya penterjemahan metafora yang menjadi satu komponen penting dalam sistem seni novel itu, unsur simile (perbandingan), personifikasi alam, kata eufemisme, mainan kata (pun), perbezaan nahu. Tidak luput juga masalah berkenaan dengan gender yang ada dalam Bahasa Rusia dan tidak ada dalam Bahasa Melayu.

Penterjemahan puisi adalah lebih mencabar daripada penterjemahan prosa. Perkataan Melayu dalam ayat tidak banyak berubah seperti dalam bahasa Rusia. Jadi bilangan rima dalam bahasa Melayu adalah agak terhad. Tambahan pula, susunan perkataan dalam ayat Rusia adalah lebih fleksibel daripada susunan perkataan dalam bahasa Melayu. Dengan begitu, bahasa sendiri menentukan bentuk puisi yang paling sesuai. Masalah terjemahan puisi dianalisis dengan memberi contoh terjemahan pengalaman semasa menyusun antologi

pertama sastera Rusia dalam bahasa Melayu yang bertajuk *Mawar Emas*, iaitu terjemahan sejumlah puisi klasik dan moden Rusia yang diterbitkan di Kuala Lumpur pada tahun 2009 oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (sekarang Institut Terjemahan & Buku Malaysia). Cabatan utama dalam penterjemahan puisi adalah: adakah perlu dalam proses penterjemahan puisi, rima yang merupakan ciri khas kebanyakannya puisi Rusia dikekalkan sedangkan puisi Melayu kebanyakannya diwakili oleh verlibre kerana disebabkan struktur perkataan Melayu, bilangan rima dalam bahasa Melayu adalah terhad? Atau bentuk asal puisi Rusia dikekalkan dengan rima tetapi kandungan puisi dikorbankan? Bagaimanakah dengan penterjemahan perkataan yang berkaitan dengan realiti Rusia yang tidak dikenali oleh pembaca Malaysia? Dan secara amnya, perlukah dalam terjemahan dikekalkan unsur budaya asing atau harus dianggap sebagai sebahagian sastera bahasa penerima.

Sebagai kesimpulan, penterjemahan puisi dan prosa secara keseluruhannya adalah sangat penting bagi interaksi budaya antara negara yang berbeza. Melalui terjemahan sastera, budaya menjadi lebih kaya dan karya sastera sendiri menjadi lebih dikenali dalam skala seluruh dunia. Sastera boleh diterjemahkan jika kita bukan hanya mencari padanan atau tiruan tepat tetapi lebih bertumpu pada tafsiran makna teks.

Kata-kata kunci: terjemahan prosa, terjemahan puisi, terjemahan dari bahasa Rusia, terjemahan dari bahasa Melayu

Pengenalan: Penterjemahan karya Melayu di Rusia

Perintis dalam bidang penterjemahan sastera Rusia ke dalam bahasa Melayu ialah Boris Parnikel (1934-2004) yang menyusun dan menerbitkan kumpulan cerpen *Di Tepi Jalan (U Obocini Syosse, 1963)*¹ pada tahun 1963. Buku itu memuatkan terjemahan karya beberapa orang penulis Malaysia yang terkemuka seperti Usman Awang (1929-2001), Abdul Samad Said (1935-), Keris Mas (1922-1992) dan seorang penulis generasi yang lebih tua Harun Aminurashid (1907-1986)². Kemudian Parnikel tidak menghentikan usahanya untuk memperkenalkan karya sastera Melayu yang terbaik kepada khalayak pembaca Rusia.

Beliau menyusun antologi cerita pendek *Budi (Dobroe Delo, 1973)* yang teks asalnya dihasilkan oleh penulis Malaysia dan Singapura. Seterusnya, beliau bersama dengan Vladilen Sigaev menghasilkan sebuah buku terjemahan yang lebih tebal, iaitu *Cerpen Moden Malaysia (Sovremennaya Malayziyskaya Novella, 1977)* yang memuatkan karya 14 orang penulis. Beliau juga menyusun sebuah antologi puisi Melayu, *Sumur di Ladang (Rucei, 1996)* yang menghimpunkan petikan daripada dua buah syair klasik Melayu, iaitu Syair Ken Tambuhan dan Syair Siti Zubaidah. Dalam terjemahan autentik Nina Gabrielian, 79 buah pantun dan karya oleh 30 orang penyair kontemporari diperkenalkan.

Selain itu, Parnikel turut menterjemahkan epik Melayu klasik, iaitu *Hikayat Hang Tuah (Povest' o Hang Tuah, 1984)* dan menghasilkan catatan cerita lisan *Awang Semerah Muda (1984)* yang direkodkan semasa berada di Malaysia. Beliau juga menyunting

terjemahan *Hilayat Sang Boma (Skazanie o Sang Bome, 1973)* yang dihasilkan oleh perintis pengajian bahasa Melayu di Rusia Lyudmila Mervart (1888-1965)³.

Penyumbang besar dalam penterjemahan manuskrip sastera Melayu yang merupakan warisan bersama sastera Malaysia dan Indonesia ialah Lyubov Goryaeva. Beliau menterjemah dan menulis komentar saintifik bagi *Hikayat Bakhtiar (Povest' o Bakhiare, 1989)*, *Hikayat Maharaja Marakarma (Povest' o Maharaje Marakarme, 2008)*, dan *Hikayat Pandawa Jaya* serta *Taj us-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari (*Povest' o Pobedonostnih Pandawah; Korona Tsarey Bukhari al-Jauhari, 2011*).

Tugas utama penterjemah

Tugas utama dan yang paling rumit penterjemah ialah mengalihkan sistem artistik penulis asal daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Salah satu cara untuk mengekalkan identiti asli pengarang adalah penterjemah dengan seboleh-bolehnya mengelakkan perubahan yang banyak atau tanpa pengorbanan yang banyak, dan menggunakan struktur bahasa sasaran yang paling hampir dengan struktur bahasa sumber. Akan tetapi, seringkali kaedah ini adalah mustahil kerana menjaskannya kesan seni terjemahan yang dihasilkan. Bukanakah penting juga supaya pembaca karya terjemahan dapat menikmati keindahan bahasa, memahami segala-galanya dalam bacaan itu dan menerima kesan yang sama seperti pembaca teks asal!

Masalah penterjemahan prosa

Novel *Naratif Ogonshoto* oleh Anwar Ridhwan (2006, 2009) mempunyai kekuatan, kedalamannya dan skop yang luar biasa. Walaupun novel itu ditulis dengan bahasa sederhana dan jelas tetapi bahasa itu sangat kaya, bertenaga dan puitis. Tentu sahaja ciri unik itu menjadi cabaran dalam proses penterjemahan. Cabaran pertama ialah penterjemahan metafora yang menjadi satu komponen penting dalam sistem seni novel *Naratif Ogonshoto*.

Berhadapan dengan metafora, penterjemah terpaksa melakukan transformasi leksikal dan sintaktik. Transformasi leksikal khususnya terdiri daripada perubahan dalam bentuk tatabahasa, pengguguran, dan perubahan konteks. Penterjemah memberikan penjelasan makna semantik asal dengan menggunakan lebih banyak kata apabila struktur makna ini adalah terlalu rumit. Tentu ada ungkapan yang dapat dicari dalam kamus tetapi kebanyakannya memerlukan strategi penterjemahan tersendiri. Semua cara transformasi leksikal perlu digunakan dalam proses penterjemahan. Misalnya, metafora '**panggilan daratan**' (Anwar Ridhwan, 2009:1) perlu dijelaskan dengan lebih panjang lebar dalam bahasa Rusia menjadi 'silnee vseh soblaznov gorodskoy zhizni' (lebih kuat daripada semua penggodaan kehidupan)

(Anwar Ridhwan, 2006:8). Ungkapan ‘menegakkan bulu-bulu româ mereka’ (Anwar Ridhwan, 2009:4) ada padanan dalam bahasa Rusia, iaitu ‘u lyudei ot straha volosi vstali dibom’ (berdiri bulu româ tengkuk mereka) (Anwar Ridhwan, 2006:10).

Karya *Naratif Ogonshoto* sarat juga dengan unsur simile (perbandingan) yang merupakan ungkapan kiasan yang dibina melalui perbandingan dua objek, konsep, atau keadaan yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Melalui objek yang diperbandingkan, nilai seni objek yang pertama bertambah. Bentuk perbandingan biasanya dinyatakan dengan bantuan perkataan tambahan *seperti*, *bagaikan*, *bak*, dan *laksana*. Penggunaan simile menunjukkan kebolehan pengarang dalam penguasaan segala perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Sebahagian besar simile agak mudah diterjemahkan ke dalam bahasa lain kecuali jurang perbezaan budaya antara kedua-dua bahasa yang terlibat terlalu besar. Bahkan apabila ayat disederhanakan, simile dapat dikekalkan. Misalnya ayat ‘Penyu itu melintas dari sisi kiri ke sisi kanan, berenang tidak peduli; **seakan-akan sebuah kereta** Mercedes-Benz paling besar berwarna hijau lumut sedang hanyut tetap di bawah sampan cadiknya’ (Anwar Ridhwan, 2009:173) menjadi lebih sederhana dalam terjemahan tetapi perbandingan penyu dengan kereta dikekalkan: ‘Vot ona okazalas’ pod lodkoi, viplila s drugoi storoni, kak bi nicego ne zamechaya. Tak bol’shoy “Mersedes” mchitsa po doroge, ostavlyaya pozadi malen’kie avtomobili (Akhirnya ia berada di bawah perahu, muncul dari sisi lain seakan-akan tidak mempeduliakan apa-apa. Begitu Mercedes besar laju di jalan sambil memotong kereta-kereta kecil) (Anwar Ridhwan, 2006:140).

Antara unsur kiasan yang sangat ketara digunakan oleh pengarang adalah personifikasi alam, iaitu sifat dan perbuatan manusia dipindahkan kepada alam. Oleh sebab perbezaan budaya, ungkapan dan kata-kata itu digantikan dengan ungkapan atau kata-kata yang lebih dikenali oleh pembaca Rusia ataupun digugurkan sahaja. Misalnya, dalam teks asal, ada ungkapan dengan perkataan ‘amuk’: ‘gelombang-gelombang besar... **mengamuk** berminggu-minggu lamanya’ (Anwar Ridhwan, 2009:5) ‘Dalam **amukan** alam’(Anwar Ridhwan, 2009:15); ‘Setelah badi barat itu **mengamuk** tiga hari berturut-turut...’ (Anwar Ridhwan, 2009:73). Dalam bahasa Rusia ada padanan untuk ‘amuk’ tetapi digunakan hanya sebagai istilah khas dalam psikologi. Dalam terjemahan, kata itu diganti dengan kata ‘бушевать’ (*bushevat*) – ‘bergelora’(Anwar Ridhwan, 2006:11).

Penterjemahan kata eufemisme juga menjadi cabaran disebabkan perbezaan budaya. Misalnya, ungkapan ‘**mangkuk** para pelacur’ (Anwar Ridhwan, 2009:2) ialah eufemisme

bagi kemaluan perempuan. Dalam terjemahan bahasa Rusia, kata itu digantikan dengan eufemisme Rusia, iaitu ‘чрево’ (*chrevo*) – ‘perut’, ‘bahagian dalam’(Anwar Ridhwan, 2006: 9). Eufemisme lain, iaitu ‘**anu**’ bagi kemaluan lelaki dalam ayat ‘**Anunya** masih tegak walaupun tubuhnya sudah tak bernyawa’(Anwar Ridhwan, 2009:136) dan ‘Memang **anunya** masih menegak (Anwar Ridhwan, 2009:137 dipadankan dengan eufemisme Rusia ‘palets’ (jari) atau ‘muzhskoy palets’ (jari lelakinya) dengan tanda kutipan (Anwar Ridhwan, 2006:111-112). Kata eufemisme itu pernah digunakan oleh penulis wanita Rusia, Victoria Tokareva dalam novel kecilnya yang berjudul *Daripada Kehidupan Para Jutawan*. (Mawar Emas, 2009:212).

Mainan kata (*pun* dalam bahasa Inggeris, *calembour* dalam bahasa Perancis), iaitu perkataan atau frasa yang berlainan tetapi sebutannya adalah serupa dan digunakan dalam konteks makna yang berbeza biasanya susah diterjemahkan kerana mainan kata berakar pada bahasa tertentu. Dalam teks *Naratif Ogonshoto* ditemui satu mainan kata sahaja, iaitu ‘Sebahagian besar penduduk mulai percaya, pegawai kanan itu bukan anak jati Ture, dan Ture bukanlah **tanah tumpah darahnya. Darah ibunya tumpah** ketika melahirkannya, atas kapal di Selat Morauka (Anwar Ridhwan, 2009:30). Di sini ungkapan ‘tanah tumpah darah’ mempunyai dua makna: makna sebenarnya (‘Darah ibunya tumpah’ yakni dia melahirkan anak di tempat itu) dan makna kiasan (‘tanah tumpah darah’ ialah tanah air). Penggunaan ungkapan itu dengan dua makna dalam satu konteks memperlihatkan ungkapan itu ialah mainan kata. Padannya dalam bahasa Rusia tidak dapat dikesan. Jadi, dalam terjemahan bahasa Rusia, bentuk mainan kata itu digugurkan. Yang disampaikan hanya makna sahaja, iaitu ‘mat’ rodila ego v prolive, i on mozhet schitat’ svoei rodinoi... (ibu melahirkannya di selat dan dia boleh menganggap sebagai tanah tumpah darah...) (Anwar Ridhwan, 2006: 31).

Selain itu, bahasa Melayu dan bahasa Rusia sangat berbeza terutama dari segi nahu. Dalam penterjemahan *Naratif Ogonshoto*, terdapat dua masalah nahu yang rumit.

Masalah yang pertama adalah tentang **ayat aktif dan ayat pasif**. Bentuk pasif yang sering digunakan dalam bahasa Melayu kadang-kadang tidak dapat disampaikan dalam terjemahan kerana bahasa Rusia lebih ‘suka’ akan bentuk aktif. Contohnya, ayat ‘Binatang mainan mesti dilepas, diburu dan dibunuh (Anwar Ridhwan, 2009: 72) diterjemahkan dengan ragam aktif dalam bahasa Rusia lalu menjadi “zver’ka nado otpustit”, dognat’ i podstrelit’ (mesti melepas, memburu dan menembak binatang itu) (Anwar Ridhwan, 2006: 68).

Masalah yang kedua berkenaan dengan **gender** yang ada dalam bahasa Rusia dan tidak ada dalam bahasa Melayu. Contohnya, *korova* (lembu betina), dan *bik* (lembu jantan). Penulis menggunakan padanan ‘tupai kerawak jantan’. Dalam bahasa Rusia, ‘tupai’ (*belochka*) bersifat feminin. Kebetulan tidak ada kata khas bagi gender maskulin. Penterjemah boleh menambahkan frasa penerang lalu menjadi ‘tupai jantan’ dalam bahasa Melayu, tetapi dalam bahasa Rusia, padanan ini berbunyi janggal. Jadi, frasa penerang itu tidak digunakan dan digantikan dengan perkataan ‘*belochka*’ sahaja. Berkemungkinan pengarang asal hendak menitikberatkan gender tupai itu (jantan lebih kuat atau lebih lincah daripada betina?), tetapi pada penulis, isi kandungan dalam bab itu lebih penting daripada gender tupai (Anwar Ridhwan, 2006:72).

Masalah penterjemahan puisi

Penterjemahan puisi lebih mencabar daripada penterjemahan prosa. Penulis sentiasa tertanya-tanya mengapa penyair Melayu moden lebih suka akan puisi bebas (*verlibre*) tanpa rima. Banyak kali juga penulis telah menyoal beberapa orang penyair tetapi tidak pernah menerima jawapan yang memuaskan.

Bermungkinan penulis akan terus tertanya-tanya sehingga kini sekiranya penulis tidak mula menterjemahkan puisi daripada bahasa Rusia kepada bahasa Melayu. Jawapannya terletak pada struktur bahasa Melayu itu sendiri! Perkataan Melayu tidak banyak berubah seperti dalam bahasa Rusia. Jadi bilangan rima dalam bahasa Melayu adalah sangat terhad. Tambahan pula, susunan perkataan dalam ayat Rusia adalah lebih fleksibel daripada susunan perkataan dalam bahasa Melayu.

Terjemahan puisi menduduki tempat yang istimewa dalam teori penterjemahan sastera disebabkan nilai estetiknya. Ahli bahasa, penterjemah, penulis dan penyair terkenal menghadapi masalah yang melibatkan kerja-kerja penterjemahan puisi.

Aspek teori penterjemahan puisi banyak dikaji oleh L. S. Barkhudarov (1975), S. F. Goncharenko (1998), Y. N. Karaulov (1996), A. V. Fyodorov (2002). Kesemua mereka menekankan sifat khas puisi, yang sebahagian besarnya menghalang kerja-kerja penterjemahan. Banyak perbahasan diadakan sama ada bentuk karya atau muzik puisi dan perasaan para watak yang perlu dikekalkan.

Isu-isu ini timbul juga dalam penterjemahkan puisi daripada bahasa Rusia kepada bahasa Melayu. Adakah perlu dalam proses penterjemahan, rima yang merupakan ciri khas

kebanyakan puisi Rusia dikekalkan sedangkan puisi Melayu kebanyakannya diwakili oleh verlibre kerana disebabkan struktur perkataan Melayu, bilangan rima dalam bahasa Melayu adalah terhad? Atau bentuk asal puisi Rusia dikekalkan dengan rima tetapi kandungan puisi dikorbankan? Bagaimanakah dengan penterjemahan perkataan yang berkaitan dengan realiti Rusia yang tidak dikenali oleh pembaca Malaysia? Dan secara amnya, perlukah terjemahan dikekalkan unsur budaya asing atau harus dianggap sebagai sebahagian sastera bahasa penerima?

Pertama-tama, puisi mempunyai bentuk khas dan kandungan khas juga. Bentuk puisi terdiri daripada rima dan irama, padahal kandungan (teks itu sendiri) mempunyai lebih banyak metafora dan perumpamaan daripada prosa. Sesetengah pakar berpendapat bahawa puisi, terutama apabila dideklamasikan, lebih dekat kepada muzik daripada kesusasteraan. Kita boleh menikmati puisi bahasa asing dengan mendengar deklamasinya walaupun tidak memahami maksud puisi itu. Ia benar-benar seperti muzik . Nadezhda Mandelshtam, isteri penyair Rusia Osip Mandelshtam (1891-1938) pernah berkata:

Puisi bermula seperti ini: anda mendengar dalam telinga, frasa muzik berterusan, mula-mula tidak jelas, kemudian sangat tepat tetapi masih tanpa kata-kata. Saya nampak banyak kali bagaimana Osip cuba untuk menghilangkannya, untuk mengibaskannya seperti setitik air yang masuk ke dalam telinga semasa mandi, tetapi tiada apa yang boleh memadamkannya: sama ada bising, atau radio, atau percakapan di dalam bilik yang sama (Sarnov, 2009:253).

Sebelum memulakan terjemahan, kita perlu menentukan tujuan penterjemahan sama ada untuk memberikan salinan tepat puisi asal (padanan melalui terjemahan) atau tafsiran bebas yang kesannya sama seperti kesan karya asal. Kita menterjemahkan makna dan bukan perkataan supaya pembaca dapat melamun di dalam suasana dan dunia yang tersirat di antara baris.

Pada hakikatnya kedua-dua jenis terjemahan saling berkaitan. Pertama-tama kita menterjemah sambil berusaha menjaga kandungan teks sasaran sedekat mungkin dengan teks asal (terjemahan filologi) dan kemudian mencuba untuk mentafsirkannya dengan kata-kata sendiri. Tentunya dalam pilihan tadi, keinginan penterjemah adalah tidak mencukupi. Penterjemah juga perlu bergantung pada teks asal. Apabila didapati terjemahan sesuatu teks tidak dapat dihasilkan, maka kita terpaksa mencari teks lain.

Perkara yang sama adalah benar tentang terjemahan puisi dengan atau tanpa rima. Dalam tradisi Rusia, kebanyakan puisi adalah berima kerana bahasa Rusia adalah sangat kaya dengannya: bentuk perkataan boleh berubah sampai mempunyai enam akhiran yang berbeza akibat tatabahasanya. Sekiranya kita suka menunjukkan melodi karya-karya asal maka kita akan cuba untuk menterjemahkannya dengan rima juga. Dalam kes ini, hampir mustahil untuk kita menyimpan kandungan sepenuhnya. Hanya idea-idea utama dan tanggapan umum dapat dikekalkan dalam teks sasaran dengan tepat.

Kadang-kadang untuk menterjemahkan puisi yang menjadi lagu adalah lebih mudah. Melodi memberikan had yang diperlukan. Akan tetapi, bilangan suku kata tertentu adalah penting.

Dalam penterjemahan puisi, pendekatan tatabahasa tulen tidak boleh diaplikasikan sepenuhnya. Penyair (dan penulis pada amnya juga) memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan bahasa ibunda mereka seperti Vladimir Mayakovsky (1893-1930) di Rusia yang menggunakan bentuk kata-kata luar biasa yang bertentangan dengan tatabahasa standard sepenuhnya tetapi kemudiannya menjadi sebahagian daripada bahasa Rusia moden (Aseev, 1940).

Tidak kurang pentingnya ialah masalah menterjemahkan realiti yang tidak diketahui oleh pembaca asing. Terdapat beberapa cara untuk mengatasi masalah ini. Kita boleh menyertakan nota kaki, menambahkan penjelasan ke dalam teks terjemahan atau terus mengabaikan beberapa realiti kecil yang tidak sangat penting. Nota kaki harus dikurangkan kerana nota kaki membuatkan terjemahan menjadi agak ‘berat’. Walau bagaimanapun, kadang-kadang amalan ini tidak dapat dielakkan.

Baru-baru ini penulis menterjemahkan kumpulan puisi oleh Siti Zainon Ismail (2010), *Kasih Bonda*. Ciri khas *Kampung Paya Kami* ialah banyak maklumat mengenai kehidupan di kampung. Perkataan yang berunsurkan budaya seperti *songkok*, *sarong*, *azan*, *koci*, *batik*, *keris*, *rendang*, *bangsawan*, *congkak*, dan *ketupat* tidak mungkin dapat diterjemahkan. Penjelasan tentang *Masjid Jame*, *Kampung Baru* dan *UMNO* diperlukan. Penulis mengekalkan semua perkataan itu dalam teks terjemahan dan menyertakan lebih daripada 100 nota kaki. Selain bentuknya yang puitis, yang lebih penting ialah kandungannya. Puisi ini seperti sebuah ensiklopedia yang puitis tentang kehidupan kampung di Malaysia pada masa silam.

Kadang-kadang penulis menambahkan penjelasan ke dalam teks terjemahan. Sebagai contoh, dalam puisi Bella Akhmadullina (1937-2010), *September Lagi* (Mawar Emas, 2009, p. 157) tidak dinyatakan nama penyair besar yang memandang kepada pencipta puisi itu (yakni Bella) kerana setiap orang Rusia memahami bahawa yang dimaksud adalah Alexander Pushkin. Akan tetapi, adakah pembaca Malaysia mengetahui hal ini juga? Penulis berkeputusan tidak membuat catatan dan langsung meletakkan nama Pushkin ke dalam teks seperti yang berikut:

Aku duduk dengarkan bunyi taman,
Duduk di tingkap seperti terpaku.
Penyajak Pushkin yang tetap sezaman
Seakan-akan menatapi aku.

Keupayaan untuk mencari perkataan yang betul adalah satu tugas yang amat penting dalam kerja penterjemahan. Seorang penterjemah harus selalu meningkatkan tahap pengetahuan bahasanya (Nabokov, 1981).

Penulis sendiri pernah menghadapi masalah ini ketika menterjemahkan puisi Rusia ke dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, dalam penterjemahan puisi *Mengimbas Al-Quran* oleh Alexander Pushkin, penulis mula-mula menggunakan perkataan 'trompet' dalam konteks Hari Kiamat yang digambarkan. Rakan penulis, pensyarah bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya menasihatkan penulis supaya menggantikan perkataan 'trompet' dengan perkataan 'sangkakala'. Dalam terjemahan yang sama, beliau menasihatkan juga agar menggantikan perkataan 'angkasa' dengan perkataan 'langit' yang lebih sesuai dengan makna 'kuasa Allah' (Pogadaev, 2003:15).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penterjemahan puisi dan prosa secara keseluruhannya adalah sangat penting bagi interaksi budaya antara negara yang berbeza. Melalui terjemahan sastera, budaya menjadi lebih kaya dan karya sastera sendiri menjadi lebih dikenali dalam skala seluruh dunia. Manusia di dunia adalah sangat berbeza. Kita adalah tidak sama dan bertutur dalam pelbagai bahasa. Jadi, salah satu tujuan penterjemahan adalah untuk membuatkan manusia lebih belas kasihan antara satu sama lain.

Puisi boleh diterjemahkan jika kita bukan hanya mencari padanan atau tiruan tepat tetapi lebih bertumpu pada tafsiran makna teks. Penyair Rusia, Pushkin pernah membandingkan para penterjemah dengan kuda yang ditukarkan di stesen tamadun (Pushkin, 1855:271). Begitu tinggi penghargaan beliau kepada penterjemah kerana tanpa penterjemah, dialog antara tamadun adalah mustahil. Terjemahan sastera merupakan satu tugas yang amat mencabar tetapi kita berasa berpuas hati apabila memenuhi tugas itu dengan berjaya.

Rujukan

- Anwar Ridhwan. (2006). *Bili i Nebili Ostrovov Ogonsoto* (Naratif Ogonshoto). Penterjemah Victor Pogadaev. St.-Petersburg: Paideia.
- Anwar Ridhwan. (2009). *Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aseev, N. N. (1940). *Mayakovskiy Nachinaetsa* (Mayakovskiy Bermula). Moscow: Khudozhestvennaya Literatura.
- Awang Semerah Muda. Malyskoe Skazanie, Zapisannoe ot Sadina bin Daliba* (1984) (Hikayat Yang Diceritakan oleh Sadin bin Dalib). Penterjemah Boris Parnickel. Moscow: Nasledie
- Aziz Deraman. (2002) *Stranstvia Poeta* (Kembara Penyair). Penterjemah Victor Pogadaev, Anna Pogadaeva. Moscow: Humanitary.
- Baha Zain (2003). *Maski* (Topeng-Topeng). Penterjemah Victor Pogadaev, Anna Pogadaeva. Moscow: Humanitary.
- Barhudarov, L. S. (1975). *Yazik i Perevod* (Bahasa dan Penterjemahan). Moscow: Mezhdunarodnie Otnoshenia.
- Dobroe Delo. Rasskazi Pisatelei Malayzii i Singapura* (1973) (Budi. Cerita Pendek Penulis Malaysia dan Singapura). Editor Boris Parnickel. Alma-Ata: Zhazushi.
- Evtushenko, E. (1990). *Stihi Ne Mogut Bit' Bezdonimi. Stat'ya o Tvorchestve Tsvetaevoy* (Puisi Selalu Ada Tempat Berteduh. Rencana tentang Karya Tsvetaeva). Dalam Marina Tsvetaeva (Penyt.). *Stihotvorenia, Poemi, Dramaticheskie Proizvedenia* (Poetry, Poems, Dramas). Moscow: Khudozhestvennaya Literatura, hlm. 3-10.
- Fedorov, A.V. (2002). *Osnovi Obshey Teorii Perevoda* (Asas Teori Am Tentang Penterjemahan). St. Petersburg: Filologia Tri.
- Goncharenko, S. F. (1998). *O Perevodimosti Poezii* (Tentang Kebolehterjemahan Puisi). Dalam *Yazikovie Kontakti: Mezgdisziplinarny Analiz* (Hubungan Bahasa: Analisis Antara Disiplin). Pyatigorsk: Patigorsky Gosudarstvenny Lingvistichesky Universitet, hlm.77-78.
- Hashim Yaacob. (2005). *Poyusyi Bambuk* (Buluh Perindu). Penterjemah Victor Pogadaev. Moscow: Humanitary.
- Karaulov, Yu. N. (1996). *O Sposobah Dostizhenia Funktsional'noy Ekvalentnosti v Perevode: Dva Perevoda Odnogo Soneta* (Tentang Cara Pencapaian Padanan Funksional dalam Penterjemahan: Dua Terjemahan Sebuah Sonet). Dalam *Yazik. Poetika. Perevod* (Bahasa, Puitik, Penterjemahan), № 426. Editor A.E. Suprun. Moscow: Moscow State Linguistics University Publishes, hlm. 76-91.
- Kamus Dewan* (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemala. (2001). *Stihi* (Sajak-Sajak). Penterjemah Victor Pogadaev, Anna Pogadaeva. Moscow: Humanitary.
- Malayskaya Krov. Antologiya Malayskogo I Indoneziyskogo Rasskaza* (2011) (Darah Melayu. Antologi Cerpen Melayu dan Indonesia). Penterjemah Victor Pogadaev. Moscow: Klyuch-S.

- Markes, G.G. (1987). Eti Bednyagi Perevodchiki (Penterjemah Yang Kasihan Itu). Dalam *Perevod – Sredstvo Vzaimnogo Sblizheniya Narodov* (Penterjemahan Sebagai Alat untuk Mendekati Pelbagai Bangsa). Editor N.A. Kuzmina. Moscow: Forum, hlm. 111-123.
- Nabokov, V.V. (1981). The Art of Translation. Dalam *Lectures on Russian Literature*. Editor Fredson Bowers. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Pogadaev, V. (2003). Penyair Agung Rusia Pushkin dan Dunia Timur. Monograph Series. Centre For Civilisational Dialogue. University Malaya. N 6.
- Mawar Emas. Bunga Rampai Sastera Rusia.* (2009). Penterjemah dan penyelenggara Victor Pogadaev. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Pokoryat Visyinu. Stihi Poetov Malayzii i Indonezii v Perevodah Victora Pogadaeva* (2009) (Bertakhta di Atasnya. Puisi Penyair Malaysia dan Indonesia Dalam Terjemahan Victor Pogadaev). Moscow: Klyuch-S.
- Povest' o Bakhtiare* (1989) (Hikayat Bakhtiar). Penterjemah L. Goriaeva. Moscow: Nauka.
- Povest' o Hang Tuahe* (1984) (Hikayat Hang Tuah). Penterjemah B. Parnickel. Moscow: Vostochnaya Literatura.
- Povest' o Maharaje Marakarme* (2008) (Hikayat Maharaja Marakarma). Penterjemah L. Goriaeva. Moscow: Vostochnaya Literatura.
- Povest' o Pobedonosnih Pandavah* (2011) (Hikayat Pandawa Jaya); Korona Tsarei (Taj us-Salatin) oleh Bukhari al-Jauhari. Penterjemah L. Goriaeva. Moscow: Vostochnaya Literatura.
- Pushkin, A. S. (1855). *Sobranie Sochinenny* (Kumpulan Karya). Editor P. V. Annenkov. Jilid. 1. Moscow.
- Rahimdin Zahari. (2007). *Zamok iz Peska* (Istana Pasir). Penterjemah Victor Pogadaev. Moscow: Klyuch-S.
- Rosmiaty Shaari. (2011). *Hikayat Sebuah Mimpi*. Tarikh capai 24.07.2013 dari penguber.blogspot.com Laman web <http://penguber.blogspot.com/2011/04/rosmiaty-shaari.html>
- Rucei. Traditsionnaya i Sovremennaya Malayskaya Poezia* (1996) (Sumur di Ladang. Puisi Melayu Tradisional dan Modern). Editor B.B. Parnickel. Moscow: Krasnaya Gora.
- Sad Zolotogo Pavlina. Starinnaya Malayskaya Proza* (1975) (Taman Merak Emas. Prosa Melayu Lama). Penterjemah V.I. Braginsky. Moscow: Khudozhestvennaya Literatura.
- Sarnov, B. (2009). *Zalozhnik Vechnosti: Sluchay Mandelshtama* (Tebusan Keabadian: Kes Mandelshtam). Dalam *Ogonyok* (Api). 110 Tahun. Bahan-Bahan Pilihan. Jilid. 1. Moscow: Terra, hlm. 252-267.
- Shahnon Ahmad. (1984). *Omut* (Air Pusar). Penterjemah T.V. Dorofeeva. Moscow: Raduga.
- Siti Zainon Ismail. (2010). *Lubov' Materi. Nasha Derevnya Kampung Paya* (Kasih Bonda. Kampung Paya Kami). Penterjemah Victor Pogadaev. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Skazanie o Sang Bome* (1973) (Hilayat Sang Boma). Penderjemah L.A. Mervart. Moscow: Nauka.
- Skazania o Doblestnih, Vlyublyonnih i Mudrih. Antologija Klassicheskoy Malayskoy Prozi* (1982) (Kisah-Kisah Tentang Orang Yang Berani, Bercinta dan Arif Bijaksana. Antologi Prosa Melayu Klasik). Penterjemah V.I. Braginsky. Moscow: Nauka.
- Sovremennaya Malayziyskaya Novella* (1977) (Cerpen Modern Malaysia). Editor B.B. Panikel, V.A. Sigaev. Moscow: Progress.
- U Obocini Syosse. Rasskazi Sovremennih Malaysikh Pisatelei* (1973) (Di Tepi Jalan. Cerita pendek Penulis Melayu Modern). Editor dan penterjemah B.B. Parnickel. Moscow: Vostochnaya Literatura.
- Usman Awang (1984). *Tam Gde Ih Nastigla Pulya* (Di Mana Mereka Kena Peluru). Penterjemah A. Rozhanskaya. Moscow: Vostochnaya Literatura.
- Volshebny Zhezл. Skazki Narodov Indonezii i Malayzii* (1982) (Tongkat Wasiat. Dongeng Rakyat Indonesia dan Malaysia). Editor V.I. Braginsky. Moscow: Khudozhestvennaya Literatura.
- Zurinah Hassan. (2013). *Glyadya na Gavan'* (Menghadap ke Pelabuhan). Penterjemah Victor Pogadaev. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

¹ Tentang Parnikel, B. B., lihat Braginsky, Vladimir. Boris Borisovitch Parnickel (1934–2004): (Obituary) Dalam *Indonesia and the Malay World*, 33 (95), hlm. 1-5; Ogloblin, A. K. Boris Borisovitch Parnickel (8.11.1934-13.03.2004). Dalam *Archipel*, 2004, Vol. 68, Numéro 68, hlm. 3-11.

² Yang tepat ialah Harun Aminurashid, penulis Melayu Singapura. Beliau dilahirkan dan meninggal di Singapura.

³ Tentang Mervart, lihat Pogadaev V. L. A. Mervart (1888 - 1965). Dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 40, Bil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.